



# **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
CHEF DATO HJ. ISMAIL BIN AHMAD  
DUTA MAKANAN DAN SELEBRITI CHEF MALAYSIA**

**OLEH:**

<b>MUHAMMAD HUSAINI BIN ABDUL RAHMAN</b>	<b>2011191831</b>
<b>MOHD FIRDAUS BIN RAZALI</b>	<b>2012765405</b>

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
CHEF DATO HJ. ISMAIL BIN AHMAD  
DUTA MAKANAN DAN SELEBRITI CHEF MALAYSIA

OLEH:

MUHAMMAD HUSAINI BIN ABDUL RAHMAN	2011191831
MOHD FIRDAUS BIN RAZALI	2012765405

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	ii
Biodata Tokoh.....	iii
Pengenalan.....	iv
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Kerjaya Tokoh.....	19
Bahagian 3: Pencapaian Tokoh.....	41
Senarai Soalan Wawancara.....	51
Log Wawancara.....	58
Indeks.....	60
Rujukan.....	62
Lampiran	
Surat Pengesahan Projek	
Surat Kebenaran	
Surat Perjanjian	
Gambar	

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Bismi-Ilahi ar-rahmani ar-rahim. Assalamualaikum w.b.t, syukur kami ke hadrat illahi kerana dengan limpahnya dapat kami sempurnakan tugas yang telah diberikan ini dengan jayanya setelah melalui pelbagai halangan dan cabaran bagi menyiapkan tugas ini bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan *IMR 604*.

Pertama sekali, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad yang merupakan seorang Duta Makanan dan Selebriti Chef Malaysia kerana beliau sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama sepanjang temuramah ini berlangsung di restoran beliau iaitu Restoran Rebung Chef Ismail di Bangsar, Kuala Lumpur.

Tidak lupa juga kami ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami iaitu Puan Nor Kamariah bt Chik kerana sabar dan sudi memberi tunjuk ajar serta panduan yang berguna kepada kami dalam menyiapkan tugas ini dengan jayanya.

Disamping itu juga, kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada keluarga kami dan kawan-kawan yang tidak putus-putus memberikan sokongan dan dorongan bagi menyempurnakan tugas ini. Jasa dan kerjasama dari semua pihak amat kami hargai sesungguhnya Allah s.w.t. sahaja yang mampu membalasnya.

Sekian, terima kasih.

Muhammad Husaini bin Abdul Rahman      2011191831

Mohd Firdaus bin Razali                      2012765405

# **ABSTRAK**

## ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara kami dengan Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad yang merupakan seorang Duta Makanan dan Selebriti Chef Malaysia. Wawancara ini dijalankan di restoran beliau yang beralamat di Restoran Rebung Chef Ismail, Bangsar, Kuala Lumpur. Sesi wawancara bersama Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad ini telah dijalankan pada hari Isnin, 14 April 2014 pada jam 4.00 petang. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad dan pengalaman beliau dalam aktiviti masakan. Selain itu, pelbagai pengalaman yang diperolehi oleh beliau ketika melibatkan diri dalam bidang Selebriti Chef Malaysia. Ketika temuramah ini berlangsung, kami dapat mengetahui serba sedikit tentang perkembangan beliau dalam bidang masakan dari semasa ke semasa. Di samping itu juga temuramah ini dapat memberi serba sedikit gambaran tentang kerjaya seorang chef yang tidak putus asa untuk menyediakan masakan tradisional Malaysia yang terbaik untuk diperkenalkan. Kami juga dapat maklumat tambahan mengenai penubuhan restoran beliau dan perancangan masa hadapan beliau dalam memperkenalkan masakan tradisional Malaysia.*

**Kata kunci:** *Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad, Restoran Rebung Chef Ismail, Pensonic: Siapa di rumah.*



# **BIODATA TOKOH**

# BIODATA TOKOH



**Gambar 1: Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad**

Dato' Chef Ismail, Duta Makanan Malaysia dan selebriti Chef, terkenal dengan persiapan hidangan tempatan dan kepakaran dalam menyediakan hidangan antarabangsa. Beliau sering dijemput ke luar negara untuk mempromosikan hidangan tempatan melalui demonstrasi memasak.

Di Amerika Syarikat, Dato 'Chef Ismail telah dijemput untuk memasak di Pusat Seni Air Mill di South Hampton.

Kegembiraan beliau sering dirasakan melalui menonton program memasak beliau di televisyen. Beliau mempunyai program sendiri di Ala-Ala Kampung di Astro Ria. Dato' Chef Ismail adalah jurucakap QBB minyak sapi, Nestle dan Beras Jati produk di Malaysia.

Chef Ismail bukan hanya tukang masak biasa kerana ramai dari kita yang sudah biasa dengan rancangan memasak beliau dipaparkan di televisyen. Selalu ada sesuatu tentang gaya dan karisma di skrin yang lain dari yang lain.

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Transkrip temubual bersama Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad ini telah dijalankan pada 14 April 2014 di Restoran Rebung Kuala Lumpur. Tujuan temubual ini dijalankan adalah mengenai pengalaman Dato' sepanjang bergelar duta makanan Malaysia dan selebriti chef dan terlibat dalam bidang masakan selama lebih puluhan tahun sejak masih berumur sepuluh tahun.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam tiga puluh enam minit, penumpuan temubual ini lebih menjurus kepada kerjaya beliau dalam bidang masakan sebagai seorang chef, beliau masih aktif dalam kerjaya seni beliau sehingga hari ini dan masih mengikuti perkembangan zaman.

Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad telah dilahirkan di luar bandar Malaysia dan belajar memasak dengan membantu neneknya di kampung beliau. Beliau meneruskan minatnya terhadap bidang masakan ke Universiti Teknologi Mara untuk latihan selama tiga tahun. Setelah berkelayakan, beliau bertugas sebagai pensyarah dalam Teknologi Makanan dan kemudian sebagai tukang masak dapur industri sebelum menjadi chef untuk pelbagai program memasak untuk televisyen Malaysia serta peranan aktif dengan Tourism Malaysia dan Kementerian Pertanian Malaysia. Hari ini Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad telah membuka dan menjalankan restoran sendiri di Kuala Lumpur

Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad adalah Duta Makanan Malaysia dan Selebriti Chef, terkenal dengan persiapan hidangan tempatan dan kepakaran dalam menyediakan hidangan antarabangsa. Beliau sering dijemput ke luar negara untuk mempromosikan hidangan tempatan melalui demonstrasi memasak. Kegembiraan beliau sering dirasai melalui program memasak beliau di televisyen, beliau mempunyai program sendiri di Ala-Ala Kampung di Astro Ria. Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad adalah jurucakap QBB minyak sapi, Nestle dan produk Beras Jati.

Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad bukan hanya tukang masak biasa kerana ramai dari kita yang sudah biasa dengan rancangan memasak beliau dipaparkan di televisyen akan bersetuju. Selalu ada sesuatu tentang gaya dan karisma di skrin yang menetapkan dia lain dari yang lain.



**Gambar 2: Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad ketika berkongsi ilmu dan pengetahuan beliau tentang minyak sawit**



**Gambar 3: Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad ketika membantu Farhan Zahin Ajaimi (kiri) dan ayahnya Ajaimi Shah Shahrudin di bengkel memasak**

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad iaitu Duta Masakan dan Selebriti Chef Malaysia. Wawancara ini dijalankan di restoran beliau iaitu Restoran Rebung Chef Ismail di Bangsar, Kuala Lumpur. Sesi wawancara bersama Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad ini telah dijalankan pada hari Isnin, 14 April 2014 pada jam 4.00 petang. Temubual ini berkisar tentang latar belakang Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad dan pengalaman beliau dalam aktiviti masakan. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

CDI : Chef Dato Hj. Ismail bin Ahmad  
MF : Mohd Firdaus bin Razali  
MH : Muhammad Husaini bin Abdul

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**MF** : Assalamualaikum, pada jam *empat* [4.00] petang, *empat belas* [14] April *dua ribu empat belas* [2014], bertempat di Restoran Rebung Dato Chef Ismail, Bangsar Kuala Lumpur. Saya Mohd Firdaus bin Razali dan sahabat saya Muhammad Husaini bin Abdul Rahman, pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Sains Pengurusan Sistem Maklumat, dari Fakulti Pengurusan Maklumat, *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] cawangan Kelantan. Kami akan mewawancara Dato Chef Ismail, yang terkenal sebagai chef masakan yang selalu keluar di televisyen. Kami berbesar hati kerana Dato Chef sudi meluangkan masa untuk ditemuramah. Wawancara

ini dijalankan bagi memenuhi keperluan tugas bagi subjek Pendokumentasian Sejarah Lisan. Bagi memulakan sesi wawancara ini, bolehkah Dato Chef memperkenalkan nama sebenar Dato Chef?

CDI : Assalamualaikum, terima kasih kepada- siapa nama tadi?

MF : Mohd Firdaus.

CDI : Mohd Firdaus dan?

MH : Husaini.

CDI : Husaini kerana telah memilih saya sebagai tokoh Negara dalam bidang masakan saya, meluangkan masa secara santai untuk membantu tesis projek yang kamu berdua akan ambil kira dalam subjek subjek apa tadi?

MH : *Fakulti Information Management* [Fakulti Pengurusan Maklumat].

CDI : *Information Management* [Pengurusan Maklumat], *okay* [baiklah] jadi *tu* [itu] mula-mula saya *nak* [mahu] ucapkan selamat datang ke Restoran Rebung Chef Ismail, bertempat di *four dash two* [empat sengkang dua] [4-2] Lorong Maarof Bangsar, *nak* [mahu] minta maaf *jugak* [juga] lah kerana kelewatan, (ketawa) tadi saya menguli dengan tukang masak dan nama penuh saya Ismail bin Ahmad, asal daripada Kampung Cengkau Hulu Rembau Negeri Sembilan, anak lelaki, dilahirkan pada *enam* [6] Disember *sembilan belas enam puluh* [1960], hari Sabtu pukul *lapan* [8] pagi. *Okay* [baiklah] mempunyai cita-cita dari kecil



lagi ya, dari berumur *sepuluh* [10] tahun saya telah berkecimpung di dalam bidang kuliner [masakan] bermula di dapur nenek saya, di Kampung Cengkau Hulu, *task-task* [tugasan-tugasan] yang selalu *dibagi* [diberi] oleh nenek saya ialah pergi pasar, pergi kedai, beli garam, beli asam, beli ikan bilis, beli ikan masin, *u know* [awak tahu] dan apabila balik dari kedai *tu* [itu] saya *kena* [perlu] bersihkan ikan bilis, biasalah ya, tolong buang sampah, cuci tong sampah, jemur tong sampah, *u know* [awak tahu] daripada situ saya ni [ini] bergiat dalam bidang bahagian dapur *ni* [ini] daripada umur saya seawal-awal *sepuluh* [10] tahun.

**MF** : **Begitu banyak sekali pengalaman Dato Chef Ismail.**

**CDI** : Pengalaman *pasal* [mengenai] apa, dulu kalanya saya *ni* [ini] banyak apa yang saya pelajari dalam faham dan *tak* [tidak] faham berumur *sepuluh* [10] tahun *tu* [itu], apabila saya imbas kembali, ianya aktiviti yang saya lakukan itu adalah aktiviti di dalam dapur-dapur komersial, seperti di hotel besar *lima* [5] bintang *tujuh* [7] bintang, restoran-restoran *specialty* [khusus], kegiatan dapur orang *tu* [itu] sama yang saya buat dengan dapur nenek saya tetapi dia agak bersistem dan berkomersial.

**MF** : **Berbalik kepada soalan latar belakang Dato Chef, siapakah nama bapa Dato Chef Ismail?**

**CDI** : Al-fatihah kepada arwah ayahanda saya Ahmad bin Abu, dan arwah al-fatihah

kepada arwah ibu saya Hajah Mariam binti Jabir. Tuan Haji Ahmad bin Abu tadi ayah saya, kedua-duanya, alhamdulillah sempat menunaikan fardhu haji sebelum dia meninggalkan dunia, dan arwah nenek saya *jugak* [juga] yang telah mengajar saya *macammana nak* [bagaimana mahu] pegang pisau, *macammana nak* [bagaimana mahu] buang sampah, *macammana nak* [bagaimana mahu] cuci pinggan, al-fatimah kepada Hajah Hawa binti Md Zain dan arwah datuk saya *jugak* [juga] Haji Jabir- *no* [tidak] Hajah Hawa binti Yusof, Haji Jabir bin Md Zain. Ini semua adalah orang yang mengajar saya, membantu saya erti hidup dalam tata rakyat. Tahu tata rakyat? Sivik. *Dulu* [masa dahulu] sekolah ada subjek tata rakyat, subjek tata rakyat ini adalah sivik. *Do you know* [adakah awak tahu] sivik? *Okay* [baiklah].

**MF : Apakah pekerjaan ibu dan bapa Dato Chef Ismail?**

**CDI :** Arwah ayah saya adalah seorang anggota polis, dan ibu saya suri rumah tangga.

**MF : Soalan yang seterusnya, bolehkah Dato Chef Ismail menceritakan serba sedikit mengenai latar belakang diri Dato, keluarga dan kehidupan masa lalu?**

**CDI :** Latar belakang saya *ni* [ini] *very interesting* [sangat menarik] saya *ni* [ini] ada *lima* [5] orang adik-beradik, *empat* [4] orang dibesarkan oleh ayah dan ibu saya. Saya diambil oleh nenek saya berumur *lapan* [8] bulan ke setahun lebih *macam tu* [seperti itu] lah dan tinggal bersamanya sampailah saya sekolah *you know*

[awak tahu] jadi banyak masa dididik oleh arwah datuk dan nenek saya di kampung. Orang *dulu-dulu* [zaman dahulu] selalu *ambik* [ambil] bela cucu.

**MF** : **Di mana kampung tersebut Dato Chef?**

**CDI** : Kampung Cengkau Hulu Rembau Negeri Sembilan. Saya orang Negeri Sembilan. Dibesarkan oleh datuk dengan nenek saya yang *diaorang* [mereka] memang *tak* [tidak] sekolah, tetapi *diaorang* [mereka] boleh baca al-quran *you know* [awak tahu], *diaorang tak* [mereka tidak] pergi sekolah, orang *dulu-dulu* [zaman dahulu] mana pergi sekolah, *unless* [melainkan] kalau *you* [awak] keluarga yang ada *exposure* [pendedahan] dia pergi sekolah *tapi* [tetapi] walaupun datuk saya *tak* [tidak] pergi sekolah, *tapi* [tetapi] boleh membaca dan boleh menulis tetapi *diaorang* [mereka] punya modul untuk saya *tu* [itu] lebih *terer* [bagus] daripada modul yang *didapat* [didapati] di sekolah-sekolah atau di institusi yang tinggi.

**MF** : **Adakah ia terlalu keterlaluan?**

**CDI** : *No* [bukan], *macam* [seperti] cara kita fikirkan kalau kita mengikut sejarah baginda Rasulullah s.a.w ya, bagaimana dia menyebarkan Islam. Betul *tak* [tidak]? *Diaorang* [mereka] ada organisasi sendiri, *diaorang* [mereka] ada cara *PR* [public relations] [perhubungan awam] *diaorang* [mereka], *systematic* [teratur] *diaorang* [mereka], jadi orang-orang tua *ni* [ini] pun *diaorang* [mereka] ada, salah satu yang diambil berat adalah tentang menghormati, *respect*

[hormat], *macammana* [bagaimana] bersemuka dengan orang tua, cara bercakap, cara bertutur, cara berjalan depan orang yang lebih dewasa lebih tua, berjalan tunduk, jumpa orang orang salam cium tangan, *tu* [itu] *some very good, which are lacking today* [sesuatu yang sangat baik, yang kurang pada hari ini]. Pasal apa, cara *tu lah* [itulah] yang membuatkan saya bersyukur kerana saya dihantar ke sekolah masa saya umur *enam* [6] tahun, pasal saya lahir Disember. Jadi umur *enam* [6] tahun saya *dah* [sudah] masuk sekolah, jadi orang semua *tujuh* [7] tahun kan. *Respect* [hormat] cara makan, *macammana* [bagaimana] cara *bukak* [buka] mulut mengunyah.

**MF** : **Adakah mempunyai disiplin?**

**CDI** : Memanglah, sivik, duduk betul-betul, makan jangan bercakap, dulu tak [dahulu tidak] boleh bercakap makan, tak [tidak] macam [seperti] orang sekarang makan pegang (bunyi mulut) *phone* [telefon] cakap, *text* [taip] cakap, dulu tak [tidak] boleh langsung. Itu sebab sampai sekarang saya itu-, maknanya *table manners* [adab meja] di meja makan dah [sudah] dibiasakan begitu jadi bila saya pergi ke tempat rumah orang kahwin ke, jadi saya pandailah letak diri saya makan macammana [bagaimana]. *So* [begitu] jadi modul pembesaran saya *tu* [itu], kalau di bukukan ia boleh menjadi satu contoh untuk masyarakat.

**MF** : **Dato chef pernah cuba bukukan?**

**CDI** : Saya buat buku masak saya *je* [sahaja]. Belum buat buku tata tertib.

- MFI** : **Apakah nama panggilan Dato Chef Ismail dalam kalangan keluarga, rakan dan rakan artis?**
- CDI** : Keluarga selalu panggil saya Mail, Mae, *tapi* [tetapi] daripada kalangan sahabat-sahabat *dulu* [dahulu] Mae, *tapi* [tetapi] sekarang dia orang panggil Chef.
- MF** : **Baiklah. Jadi dimanakah Dato Chef Ismail menetap sekarang?**
- CDI** : Saya sekarang menetap di kawasan Bangsar *jugak* [juga].
- MF** : **Bolehkah saya tahu di manakah adik-beradik Dato Chef Ismail tinggal sekarang?**
- CDI** : Yang tua di Singapura, *dah* [sudah] dapat *empat* [4] cucu alhamdulillah, yang nombor *dua* [2] di Cheras, yang nombor *tiga* [3] saya, yang nombor *empat* [4] arwah *dah tapi* [sudah tetapi] dia *dah* [sudah] duduk di Banting dan isteri dia dan anak dia semua mengaji belajar *jugak* [juga] di *UiTM* [Universiti Teknologi Mara] *jugak* [juga] dan seorang *tu* [itu] dapat universiti di Sabah. Lepas *tu* [itu] yang bungsu di Shah Alam.
- MF** : **Adakah adik-beradik Dato Chef terkenal seperti Dato Chef dari bidang lain?**
- CDI** : *Takde* [tiada], dua orang, yang tua tidak bekerja, suri rumah tangga sepenuh masa, yang nombor *dua* [2] masih bekerja dengan *semi government* [separa kerajaan] *jugak* [juga], yang *last* [akhir] kali *tu* [itu] dengan Proton.

**MF : Bolehkah Dato Chef ceritakan serba sedikit tentang zaman kanak-kanak Dato Chef?**

**CDI :** Zaman kanak-kanak saya *dulu* [dahulu] yang mendidik kita selalu kata fikir, buat sesuatu *tu* [itu] cuba fikir *dulu* [dahulu]. Takde [tiada] lah, *I mean* [maksud saya] benda-benda sekarang *ni* [ini] jarang, ibu bapa mendidik kita secara lain didikan. *Dulu* [dahulu] banyak didikan *ugama* [agama], didikan sivik, masa saya kecil-kecil *dulu* [dahulu] saya banyak imaginasi. Saya *imagine* [bayangkan], pasal saya *sorang* [seorang] *satu* [1] rumah *tu* [itu] adik beradik saya *tak* [tidak] duduk dengan saya, jadi saya, setiap benda yang saya *nak* [mahu] buat *tu* [itu] saya kena fikir, *nak bukak* [mahu buka] pintu *kat* [dekat] atas *tu* [itu] pun, kalau saya dikurung oleh nenek saya, yang *kat umah tak* [dekat rumah tidak] bagi keluar, jadi saya berfikir, *macammana nak bukak* [bagaimana mahu buka] pintu jadi saya fikir, oh, *ambik* [ambil] kerusi. Faham? *Tak macam* [tidak seperti] budak sekarang, *tak* [tidak] tahu langsung. Jadi *tengok* [lihat] masa, saya balik pukul berapa, lepas *tu* [itu] sekolah pun *kena* [perlu] cepat, semua *kena* [perlu] cepat, banyak menggunakan minda dan *imajisasi* [imaginasi], dan kita *you have dream* [anda mempunyai impian] selalunya ada *dream* [impian], masa saya *kecik-kecik* [kecil-kecil] dulu, saya *nak tengok* [mahu lihat], banyak ikon saya, sepupu saya, abang saya, *pak sedara* [bapa saudara] saya, bawak Mercedes saya kata, suatu hari *besok* [kemudian] aku *nak* [mahu] ada Mercedes, ada *driver* [pemandu], suatu hari *besok* [kemudian] aku nak ada *driver* [pemandu], rumah banglo, suatu hari *besok* [kemudian] saya nak ada rumah banglo. *It is help* [ia

adalah membantu]. *Die* [dia] membantu untuk *kite* [kita] punya kejayaan. Jadi kita *tengok* [lihat] dan orang bila kata, tengok Achik *ko tu* [kamu itu] masuk universiti, *ko nak* [kamu mahu] jadi apa *besok tak* [kemudian tidak] sekolah.

**MF** : **Jadi Dato, impian anda menjadi kenyataan?**

**CDI** : *My dream* [impian saya] alhamdulillah, tapi saya pun *nak* [mahu] mempunyai sebuah hotel, *tapi* [tetapi] masih lagi belum dapat hotel *tu* [itu]. *Tapi* [tetapi] buat masa sekarang *ni* [ini] kita bersyukur pada Allah apa yang kita ada. Tetapi kita *kene* [perlu] meninggalkan *legacy* [warisan] yang harus diteruskan oleh anak-anak kita. Jadi kalau kata kita meninggalkan dunia *ni* [ini] ada juga apa yang kita tinggalkan betul *tak* [tidak].

**MF** : **Apakah nama sekolah rendah Dato Chef Ismail dahulu?**

**CDI** : Saya sekolah *dulu* [dahulu] Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Inggeris Undang Rembau. *Dulu* [dahulu] ada *English School* [sekolah inggeris], *dulu* [dahulu] ada Sekolah Tamil, Sekolah Cina, Sekolah Melayu, Sekolah Inggeris.

**MF** : **Adakah Dato Chef yang menentukan bersekolah di sana?**

**CDI** : Bukan saya *decide* [tentukan], datuk saya *decide* [tentukan]. Terima kasih dekat [pada] datuk saya. Kalau saya *tak* [tidak] Sekolah Inggeris dulu saya *tak nak* [tidak mahu] cakap Bahasa Inggeris. Apa jadi dengan anak-anak kita sekarang, susah *tak* [tidak] boleh bertutur langsung dalam Bahasa Inggeris, sedangkan

Bahasa Inggeris itu adalah Bahasa *International* [antarabangsa]. Bahasa Malaysia tu adalah bahasa ibunda, jangan silap *tau* [tahu] dan Bahasa Inggeris tu adalah Bahasa Antarabangsa.

**MF** : **Dimanakah sekolah menengah Dato Chef?**

**CDI** : Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Inggeris Undang Rembau. Sama, *primary* [sekolah rendah] *secondary* [sekolah menengah]. *Lepas tu* [selepas itu] saya meneruskan pelajaran saya ke *ITM* [Institusi Teknologi Mara] Shah Alam, *ITM* [Institusi Teknologi Mara] ketika itu *ITM* [Institusi Teknologi Mara] dalam pengurusan hotel dan *management* [pengurusan]. *Lepas tu* [selepas itu] baru saya pergi buat praktikal saya di *Hilton KL International* [Hilton Antarabangsa Kuala Lumpur], banyak saya punya kawasan-kawasan pendidikan yang saya pelajari saya buat praktikal, bekerja. Tetapi orang *dulu-dulu* [masa dahulu] dan orang sekarang ada kepintaran dan kepakarannya, orang *dulu-dulu* [masa dahulu] pun ada kepintaran dan kepakaran yang membantu kami dari segi *observation* [pemerhatian]. Sekarang ni semua boleh *Google* [enjin carian atas talian] sudah boleh, *Internet* [rangkaian antarabangsa] semua *dah* [sudah] ada, sebab dulu kami tengok dan kami tulis. Dulu kita pakai *notebook* [komputer riba]. *Notebook* [komputer riba] awak yang sekarang ini asal daripada *notebook* [komputer riba] kami dulu. *You say notebook, but our notebook we don't have internet supply* [Anda mengatakan komputer riba, tetapi komputer riba kami, kami tidak mempunyai bekalan rangkaian antarabangsa], *Wi-Fi* [Wireless



Fidelity] *takde* [tiada], kami tulis. *So we* [jadi kami] dulu dah ada *notebook* [computer riba]. *Take out your notebook, the teacher said. The thing that you write on inside the book we call notebook* [Keluarkan notebook anda, kata guru. Perkara yang anda tulis di dalam buku ini kita panggil komputer riba].

**MF** : **Berapa lama masa yang diambil untuk menghabiskan pengajian?**

**CDI** : Saya belajar dulu lama, *three years and then* [3 tahun dan kemudian] selepas itu saya sambung lagi di Hilton Germany *six years* [6 tahun].

**MF** : **Apakah pengalaman manis semasa bergelar mahasiswa?**

**CDI** : Masa kami *dulu* [dahulu], semasa kita belajar *dulu* [dahulu], kita *less information, less references* [kurang maklumat, kurang rujukan]. Susah *takde reference* [tiada rujukan]. Sekarang *you all* [awak semua] senang. Kalau *you* [awak] *tak* [tidak] dapat *you* [awak] *dah* [sudah] boleh *Google* [enjin carian atas maklumat]. Dakwah islam dulu zaman baginda Rasulullah, *Google* [enjin carian atas maklumat] dapat *point* [ganjaran]. Kami *dulu* [dahulu], *tak* [tidak] pergi *library* [perpustakaan] *tak* [tidak] dapat. *You lack of* [anda kekurangan] konsentrasi dalam kelas *you* [awak] *tak* [tidak] dapat. Susah, *dulu* [dahulu] kami banyak kenangan manis masa kita perlu kerja kuat-kuat untuk mencapai kejayaan.

**MF** : **Adakah kenangan manis perlu berkerja kuat?**

CDI : Haa. Masa kami dulu, semua kita kene buat *references* [rujukan], tulis *note* [nota] *menyela-nyela* [panjang-panjang], *you know* [awak tahu], *refer back to our note* [merujuk kembali kepada nota kami], *because we don't have-* [kerana kita tidak mempunyai], *those are* [mereka adalah] kenangan manis saya. Kenangan manis kalau yang kerja *maleh tu* [malas itu] apa nak kenangan manis.

MF : **Bagaimana pula dengan pengalaman pahit?**

CDI : *Takde* [tiada]. *I'm very positive* [saya sangat positif]. *Actually* [sebenarnya] pengalaman pahit ini tidak harus diwujudkan. *You should don't have a* [anda harus tidak mempunyai] pahit *because you have choice* [kerana anda mempunyai pilihan]. Kalau kata jalan *tu* [itu] berduri, kenapa *nak* [mahu] pergi jalan, *kene* [perlu] pilih jalan yang *takde* [tiada] duri. Jadi pahit *tu* [itu] bagi saya, alhamdulillah saya *takde* [tiada], Allah *tak* [tidak] bagi saya dan saya pun takkan *mintak* [minta]. Apa yang saya ceburi, apa yang saya lalui, apa yang saya mengalami *tu* [itu] semuanya kenangan yang memberi saya pengalaman (bunyi kamera).

MF : **Apakah perancangan Dato Chef Ismail ketika masih belajar dan selepas tamat pengajian?**

CDI : Saya *dulu* [dahulu] masa belajar saya ada saya punya (bunyi kertas) *aim* [matlamat], saya ada *goal* [tujuan]. *You* [awak] *nak* [mahu] dapat markah berapa, *you* [awak] *nak* [mahu] dapat projek apa, *you know* [awak tahu] dan saya

*jugak* [juga] ada dalam sedar *tak* [tidak] sedar saya (bunyi kertas) ada *dreams* [impian]. Saya ada *yearly calendar* [calendar tahunan] dalam kehidupan saya, tapi di kalendar saya adalah *age gap* [jurang umur], masa saya umur dua puluh [20] ke tiga puluh [30] apa (bunyi telefon) harus saya buat, sendiri saya bagitahu diri saya, saya *tak payah bagitahu* [tidak perlu beritahu] orang. *You* [awak] ada tangga, tangga tahap ketinggian yang mana yang *you* [awak] *nak* [mahu] capai. Tiga puluh lima [35] ke empat puluh [40] *nak* [mahu] jadi apa dan di mana anda dan apa ia buat, apa yang *you* [awak] ada. Empat puluh [40] ke lima puluh [50] apa yang *you* [awak] ada. Tapi *you* [awak] *kena* [perlu] ada *bende ni* [benda ini], kalau *you* [awak] *takde* [tiada] *you* [awak] *tak* [tidak] boleh, *you* [awak] jadi kelam kabut, *you must have your management* [anda mesti mempunyai pengurusan anda] punya *mission* [misi] dan *missionary* [dakwah] semua ini mesti ada, *tak payah nak bagitahu* [tidak perlu hendak beritahu] orang, sendiri tahu. Aku *ni dah* [ini sudah] *tiga puluh* [30] *dah* [sudah], *tapi* [tetapi] tahap *performance* [prestasi] saya, *tak* [tidak] boleh macam *ni* [ini]. *You* [awak] tengok *you* [awak] punya *performance* [prestasi], *meet social science* [memenuhi sains social], *social management you* [pengurusan social awak], pergaulan *you* [awak], status posisi *you* [awak], *suma* [semua] *you* [awak] *kena* [perlu] ada. Kalau *tak* [tidak] boleh, kalau *tak* [tidak] dapat dalam golongan *tu* [itu], *you* [awak] *kene* [perlu] keluar dan *you* [awak]-, pengetahuan *ni takde* [ini tiada] *limit* [had] dan *you* [awak] *tak* [tidak] boleh campurkan pengetahuan *ni* [ini] dengan barang-barang yang lain, jadi dia akan menjadi satu *chemical*

*reaction* [tindak balas kimia]. Maksudnya dia akan *confuse* [keliru], kita tidak boleh kata aku ada sarjana muda, mana boleh aku jadi tukang cuci kereta. *So that is so wrong mentality you know* [jadi itu adalah pemikiran yang salah awak tahu], jika *you* [awak] kata masa tunggu kerja, *you* [awak] ada sarjana muda apa salahnya *you* [awak] pergi cuci kereta, *you* [awak] ambil *tu* [itu] sebagai benda yang *you* [awak] tidak sempat mempelajari. Jadi apabila anda nanti *nak* [mahu] cuci kereta, anda tahu, *korang* [kamu] jangan main-main cuci kereta aku pasal aku dulu cuci kereta. Faham cakap saya? Saya tahu apa *chemical* [bahan kimia] untuk tayar saya tahu apa *chemical* [bahan kimia] untuk *wiper* [pengelap] saya, dan itu adalah pengalaman bukan *status* [taraf].

**MF** : **Apakah pekerjaan Dato Chef Ismail selepas tamat pengajian?**

**CDI** : Saya bekerja sebagai tukang masak daripada *dulu* [dahulu] sampai sekarang. *Pasal* [kerana] tahu, saya tahu yang tukang masak *tu* [itu] adalah *profession* [kerjaya] yang diprofesionalkan.

**MF** : **Soalan ke arah keluarga Dato Chef. Bilakah Dato Chef Ismail menamatkan zaman bujang?**

**CDI** : Saya tidak kahwin lagi. Awak dapat *wrong information* [maklumat yang salah]. Saya bujang.

**MF** : **Maaf Dato Chef.**

CDI : *Takpe* [tidak mengapa]. *Pasal* [kerana] dalam organisasi kehidupan saya *takde* [tiada] kahwin.

MF : **Saya potong soalan kerana soalan tersebut berkaitan (bunyi telefon) dengan *family* [keluarga] Dato Chef.**

CDI : Tapi jangan lah- *you* [awak] *tak* [tidak] boleh buang *jugak* [juga] *area family* [kawasan keluarga] *tu* [itu] kerana saya ada juga adik-beradik, saya ada anak-anak buah, saya ada anak-anak yang saya- bukan katakan angkat, *tapi* [tetapi] anak-anak yang saya bagi peluang *you know* [awak tahu], mendekati diri saya, memberi bantuan, kadang-kadang ada juga yang kita terlepas pandang, yang orang yang ada ibu bapa tetapi tidak dapat *you know* [awak tahu] informasi tentang kerjaya, tentang- kadang-kadang *diaorang maleh nak* [mereka malas mahu] cakap *ngan mak bapak* [dengan ibu bapa] tetapi dia boleh bercakap dengan *you* [awak], jadi *you* [awak] boleh--- *diaorang* [mereka] bijak *you know* [awak tahu] *diaorang* [mereka] ada *goal* [tujuan] *tapi takde* [tetapi tiada] siapa *nak* [hendak] *guide* [membimbing].

MF : **Jadi Dato Chef yang membimbing pelajar pelajar ini?**

CDI : Saya, saya bagi pandangan, saya kata macam *ni* [ini] macam *ni* [ini], *because* [sebab] *bak* [seperti] kata saya tadi *tak sume* [tidak semua] ibu bapa ada masa untuk mendidik anak-anak dari- bukan kata didikan di rumah, macam- *level* [peringkat] yang lain. Betul? Motivasi *kasi* [memberi] *exposure* [pendedahan],

walaupun saya *takde* [tiada] keluarga yang, keluarga maknanya perkahwinan dan dapat anak, tapi cara saya lain, *different* [berbeza]. Banyak, saya banyak budak-budak yang- budak-budak universiti yang *tak* [tidak] masuk universiti.

**MF** : **Dato banyak bimbing pelajar-pelajar yang seperti ini?**

**CDI** : Banyak, macam *you all* [anda semua] *ni* [ini].

**MF** : **Sekarang ini masih ada lagi?**

**CDI** : Ada, macam *you* [awak] datang *ngan* [dengan] saya, Chef, *cant I be your my guidance* [boleh saya jadikan awak sebagai pembimbing saya]. *Why I* [mengapa saya], *I mean* [maksud saya] *macammana* [bagaimana] Chef boleh berjaya, boleh *tak* [tidak] saya tahu- *they come and visit me* [mereka datang dan melawat saya] *macammana* [bagaimana]--- nasihat, belajar, cara belajar *macammana* [bagaimana], apa *material* [bahan] yang anda perlukan, apa *material* [bahan] yang anda *tak* [tidak] perlukan. Sebenarnya belajar *ni tak* [ini tidak] banyak *material* [bahan], hanya buku *je* [sahaja] pun *dah* [sudah] cukup *dah* [sudah], yang lain *tu* [itu] adalah gimik. *Kan* [betul]? *Macam* [seperti] *smartphone* [telefon pintar]. *You have smartphone, one is enough* [anda mempunyai telefon pintar, satu cukup]. *You no need to have* [anda tidak perlu mempunyai] I-Pad, *you no need to have laptop because is ready smartphone* [anda tidak perlu mempunyai komputer riba kerana ia adalah telefon pintar]. *So* [jadi] macam *tu* [itu] saya cakap tadi, kalau *you* [awak] dah *smart* [pintar] *tu* [itu] *smart* [pintar]

lah, *you* [awak] *tak payah* [tidak perlu] jadi *nak ambik* [mahu ambil] yang *other people* [orang lain] punya informasi.

**MF** : **Pelajar-pelajar yang Dato Chef bimbing datang dari bidang kulinari atau dari bidang lain?**

**CDI** : *Lain* [tidak sama], banyak yang *management* [pengurusan], akauntan, *lawyer* [peguam], *you know because what* [anda tahu kerana apa], dia *bounce back to daily* [kembali kepada setiap hari] punya aktiviti, banyak *macam* [seperti] *you* [awak] ini, *your club or your school* [kelab anda dan sekolah anda] lain daripada *school I* [sekolah saya], tapi *you* [awak] masih memerlukan informasi sistem daripada saya, jadi *pasal* [bila] nanti bila *you* [awak] *dah* [sudah] keluar *you* [awak] *dah* [sudah] *graduate* [graduan], bila *you* [awak] kerja kita masih *engage* [melibatkan diri] diri kita dengan *human being* [manusia]. *Overall, you judge* [keseluruhan kamu nilai] macam saya tukang masak, *you* [awak] tengok Chef, ada retorik *you know* [awak tahu], *what are you relating now you know* [apa yang berkaitan dengan kamu sekarang awak tahu], *some people might think you know* [sesetengah orang mungkin berfikir anda tahu]. Saya tengok kawan-, mak kawan saya *tu* [itu] tukang masak, *tapi* [tetapi] dia masih kerja dengan orang daripada saya sekolah dari tingkatan *satu* [1] sampai sekarang makcik tu masih kerja dengan orang. *So why this Chef Ismail different* [jadi mengapa Chef Ismail ini berbeza]. *Must be* [mesti] adalah *benda-benda* [sesuatu] yang saya praktikkan dalam kehidupan saya, ada *dream* [impian] (bunyi telefon berdering),

*risk taker* [pengambil risiko]. Orang yang *tak* [tidak] berniaga *ni* [ini] dia *takde* [tiada] *risk taker* [pengambil risiko] (bunyi telefon berdering) dia *takde* [tiada]-, *tak* [tidak] berani *nak* [hendak] pergi alam- apa *tu* [itu]--- sekejap ya (Dato Chef menjawab panggilan telefon). Lagi?

**MF : (Bunyi kertas) Apakah pendidikan tertinggi Dato Chef Ismail?**

**CDI :** Saya sekarang *ni dah* [ini sudah] dapat *tu* [itu] Oxford, di Oxford Center for Leadership United Kingdom *that is Master* [itu adalah Master] dan pakar masakan negara.

**MF : Dimanakah tempat pendidikan terakhir Dato Chef Ismail.**

**CDI :** *This one is* [yang ini adalah] saya buat sendiri di Malaysia. *Distant course* [kursus jauh].



## TAMAT BAHAGIAN 1

### BAHAGIAN 2: KERJAYA TOKOH

**MF** : Baiklah, bahagian seterusnya mengenai kerjaya. Sejak bila Dato Chef Ismail mula serius dalam menguruskan bidang masakan ini?

**CDI** : Daripada saya pandai menggoreng telur. *That was ten years so I'm very focus* [ketika itu sepuluh tahun jadi saya sangat fokus]. *I'm very focus very fussy very determination* [Saya sangat memberi tumpuan sangat tekad sangat cerewet]. *You* [awak] *tak* [tidak] boleh kata sejak bila. *You know* [awak tahu] sejak *you start* [awak mula] goreng telur *tu* [itu] *you* [awak] dah kira serius, kalau tidak *you* [awak] *tak* [tidak] *achive* [mencapai] goreng telur *tu* [itu], *you* [awak] *tak* [tidak] dapat goreng telur yang *you* [awak] *nak* [hendak] goreng *tu* [itu], terbakar ke hangus ke *kan* [betul].

**MF** : Sebenarnya, apakah bidang yang paling Dato Chef Ismail minat?

**CDI** : Memang masakan *pasal* [kerana] saya suka makan. Masakan *ni* [ini] *you* [awak] *kena* [perlu] pandai *tau* [tahu], *you* [awak] tahu orang mesti *nak* [hendak] makan, orang sakit pun *nak* [hendak] makan, *tak* [tidak] makan mati. Betul? *So* [jadi] kalau *you* [awak] sakit *you know you* [awak tahu awak] *takde* [tiada]-, kadang-kadang *tak* [tidak] boleh makan pun diaorang [mereka] buat cara makanan yang boleh melalui *decrypt* [menyahsulit]\_, *so food* [jadi makanan], boleh menampung wap tu hidup. Betul *tak* [tidak]? *So* [jadi] saya rasa bidang saya *ni* [ini], bidang yang *jugak* [juga] antara bidang-bidang yang boleh

dikatakan penting. Hendak-hendaknya zaman sekarang ramai yang *tak* [tidak] ke dapur, perempuan ke baik lelaki ke, ramai yang *tak* [tidak] ke dapur dan bidang masakan, restoran, *all these in demand* [semua ini dalam permintaan].

**MF : Adakah bidang masakan merupakan tawaran pengajian yang pertama Dato Chef Ismail?**

CDI : Memang, semua saya buat masakan sahaja. *Takde* [tiada] doktor ke guru ke *lawyer* [peguam] ke akauntan ke, walaupun mungkin *kalau* [jika] saya dapat *straight A* [A berturut] *add math* [matematik tambahan] dengan \_\_\_\_\_, *kalau* [jika] kata, saya masih pilih bidang masakan. *Pasal* [kerana] kita *ni* [ini] *artistic* [seni], *artistic people* [orang seni] *ni* [ini] dia banyak menggunakan kreativiti, banyak menggunakan aura, penglihatan, bauan, rasa, pancaindera.

**MF : Pernahkah Dato Chef Ismail mendapat tawaran bekerja di mana-mana sebelum ini?**

CDI : Banyak *tapi* [tetapi] saya selalu *tak* [tidak] menerima tawaran, saya tawar diri. *Opposite* [bertentangan]. Orang *dulu* [dahulu] mana ada tawar-tawar, *dulu takde* [dahulu tiada] *head hunters* [pemburu bakat].

**MF : Bagaimanakah bakat Dato Chef Ismail mula diketahui?**

CDI : Saya rasa ini semua, Allah telah reka anda semasa di dalam rahim ibu, mungkin *tak* [tidak]? *You believe me or not* [awak percaya saya atau tidak]? Bukan ingat,

memang betul. Kalau *you* [awak] menjadi *lawyer* [peguam] ke cikgu ke penyanyi ke pelukis, *I think is already the mixing is already on your* [saya berfikir ia sudah ada pencampuran di anda punya] rahim ibu dan apabila *you* [awak] lahir *you* [awak] didedahkan dalam pengetahuan yang begini dan dapat *supporters* [sokongan] dari *family* [keluarga] ke apa yang tidak menegah, jadi *you* [awak] dapat meneruskan impian *you* [awak].

**MF : Tiada siapakah yang menghalang Dato Chef?**

**CDI :** *Takde* [tiada] siapa. *No* [tidak]. *Diaorang* [mereka] semua *very supportive* [memberi sokongan] *diaorang seronok* [mereka gembira]. Keluarga saya bagus alhamdulillah, dia tidak kata, masa zaman dulu susah, *lawyer* [peguam], nak jadi doktor, guru, itu adalah *macam* [seperti] *respect* [hormat] posisi, macam tukang masak *ni takde* [ini tiada] dalam kategori apa pun, *takde* [tiada] dan hanya tukang masak. Tetapi dari mata dunia ketika itu tukang masak *ni* [ini] adalah salah satu *profession* [kerjaya], *tapi kat* [tetapi di] Malaysia *ni* [ini] dia ada *lembap* [perlahan] sedikit, dia nampak posisi yang begitu walaupun gaji tukang masak *tu* [itu] *tiga puluh lima ribu* [35 000], gaji doktor *tu* [itu] baru *lima ribu* [5 000], jadi *diaorang* [mereka] masih lagi *tak paham* [tidak faham]. *You know* [awak tahu], kita *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] cakap *kau* [kamu] kerja apa, *takkan* [tidak perlu] kita nak cakap tukang proses masakan. *You know I mean* [awak tahu maksud saya]? Posisi tetap tukang masak.

**MF : Apakah jenis masakan pertama yang mempopularkan Dato Chef Ismail?**

CDI : Saya, *Malay food* [masakan melayu]. Saya memang *heritage Chef* [Chef warisan].

MF : **Jadi jenis masakan yang mana?**

CDI : Masakan rendang, gulai.

MF : **Ketika itu di mana?**

CDI : Di sini. *Takde* [tiada], bukan di sini. Masa saya muda-muda dulu bila saya masak rendang, *diaorang* [mereka] kata sedap rendang Mae. Dia juga kata sedapnya, sedapnya. Dan memang alhamdulillah.

MF : **Apakah yang mendorong Dato Chef Ismail untuk untuk menceburi bidang masakan?**

CDI : Mendorong? *Takde* [tiada] sangat. Sendiri. Orang *dulu tak payah nak* [dahulu tidak perlu mahu] *push* [paksa]. *Takde* [tiada] *push* [paksa]. Orang sekarang perlu paksa baru jalan. Kami *dulu* [dahulu] semua sendiri punya. Betul *tak* [tidak]? Masa *dulu* [dahulu] kurang *facilities* [kemudahan], sekarang banyak *facilities* [kemudahan]. *Dulu* [dahulu] memang susah jika *you* [awak] *nak* [mahu] berjaya *you* [awak] berjaya, *you* [awak] *kene* [perlu] kerja kuat, *you* [awak] *kene* [perlu] ada *dreams* [impian], *you* [awak] *kena* [perlu] ada praktikal, *you* [awak] *kena* [perlu] ada logikal, *you* [awak] *kena* [perlu] ada sistem sendiri, *budget your timing* [anggar masa anda], *your money* [duit anda] semua, *dulu*

[dahulu] *you all* [awak semua], orang lama-lama *dulu* [dahulu] semua buat sendiri. Mak ayah *tu* [itu] hanya dia akan kata jangan lupa solat, dia *tak* [tidak] cakap jangan lupa kerja kuat, jangan-, kerja lah, kerja-, orang *dulu* [dahulu] kata *kena* [perlu] ikhlas, jangan mencuri, jangan *ambik* [ambil] duit haram, itu *aje* [sahaja]. Orang tua *dulu* [dahulu] banyak *moral* [akhlak]. Orang sekarang banyak praktikal. *Moral* [akhlak] susah *sikit nak* [sedikit mahu] dapatkan *good moral* [akhlak yang baik]. Sekarang lain *tapi* [tetapi] kita perlu *jugak* [juga] benda *tu jugak* [itu juga], kan?

**MF : Soalan yang seterusnya Dato, adakah Dato Chef Ismail pernah memasuki pertandingan memasak?**

**CDI :** *Tak* [tidak] pernah langsung.

**MF : Dato Chef tidak mahu mencuba untuk menguji tahap Dato Chef?**

**CDI :** *Pasal* [kerana] saya selalu bertanding dengan diri saya. Faham *tak* [tidak] cakap Chef? *Determination* [tekad]. Saya macam saya apa-, sendiri bertanding. *So is the best actually challenge, you challenge your self* [jadi adalah yang terbaik sebenarnya mencabar, anda mencabar diri anda] daripada *nak* [mahu] *challenge* [cabar] *ngan* [dengan] orang buat apa.

**MF : Dato Chef Ismail pernah menjadi juri masakan?**

**CDI :** Ada, juri-juri ada. Tahap macam saya *ni* [ini] memang tahap jadi juri. *Tak*

[tidak] boleh jadi *runner* [pelari. *You* [awak] hanya dijemput sebagai ketua juri, jadi juri, pemerhati, betul *tak* [tidak]? Macam umur *dah macam ni* [sudah seperti ini] kira Prof *dah* [sudah]. Tadi bila Prof *dekat* [di] kolej-kolej, bila *dekat* [di] *mesjid-mesjid* [masjid-masjid] Shiekh, *diaorang* [mereka] panggil tuan Shiekh.

**MF : Apakah masakan kegemaran Dato Chef?**

CDI : Saya? Saya suka gulai lemak cili padi, saya suka sambal tempoyak, saya suka makanan ibu. Semua *Malay food* [makanan melayu] dengan Jepun saya suka.

**MF : Adakah makanan utama makanan melayu atau luar negara?**

CDI : *Japanese* [Jepun] saya suka.

**MF : Adakah Dato Chef pandai masak makanan Jepun?**

CDI : Saya *tak* [tidak] pandai *pasal* [kerana] saya bukan orang jepun, tetapi saya boleh buat (bunyi telefon) masakan *Japanese food* [makanan jepun] tetapi tidak boleh macam *pure Japanese food* [makanan asli Jepun].

**MF : Apakah prinsip dan formula kejayaan Dato Chef Ismail?**

CDI : Ikhlas.

**MF : Apakah falsafah hidup Dato Chef Ismail?**

CDI : Ikhlas. Betul? Cuba *you* [awak] fikir, (bunyi azan di telefon) kalau *you* [awak]

ikhlas semua masa *you* [awak] jadi *student* [pelajar], *you* [awak] ikhlas dengan diri *you* [awak], *you* [awak] mengulang kaji, *you* [awak] tidak tipu diri *you* [awak], konsentrasi, jadi *you* [awak] ikhlas dengan diri *you* [awak]. *Macam kalau* [seperti jika] *you* [awak] ulang kaji dalam paksaan kerana ibu bapa kerana *nak* [hendak] *challenge cousin* [mencabar sepupu], *tu tak* [itu tidak] ikhlas namanya. Maknanya dia jadi berat, boleh *pass* [lulus] tapi *you* [awak] rasa *stress* [tekanan]. Kalau *you* [awak] tulus mulus dengan keikhlasan diri, *you* [awak] dapat apa yang *you* [awak] buat *tu* [itu] ikhlas, *you* [awak] tak *heavy* [berat]. *You* [awak] kata apa yang saya *nak* [hendak] takut saya ikhlas dengan diri saya. Saya mengaji bangun pukul *tiga* [3] pagi pukul *empat* [4] pagi *lepas tu* [selepas itu] kita *nak* [mahu] suruh orang lain *tengok* [lihat] saya mengaji buat apa. Saya ikhlas dengan *ni* [ini]-. Kalau saya solat pun, *kalau* [jika] saya solat sunat bukannya saya *nak* [mahu] tunjuk dengan orang saya solat lebih daripada solat waktu. Saya ikhlas dengan diri saya saya dapat *point* [ganjaran], dan motivasi (bunyi penggera telefon) diri saya *jugak* [juga], *kalau* [jika] awak buat lebih pada awak harus buat maknanya awak dapat ganjaran.

**MF : Pernahkah Dato Chef Ismail terfikir untuk sampai ke tahap hari ini?**

CDI : *Tapi kalau nak tengok* [tetapi jika mahu lihat], gerakan pengalaman saya, kita kerja kuat. Bila kita kerja kuat, bukan sahaja kuat kita *kena* [perlu] *smart* [pintar] *jugak* [juga]. *Yes* [betul]. *Kalau* [jika] orang *tu* [itu] kapak kayu, *kalau* [jika] lepas kapak kayu dia jual dan guna, *smart* [pintar] lah. Selepas itu ada

perancangan, *lepas ni* [selepas ini] saya nak jadi daripada kapakkan kayu saya *ni* [ini] saya boleh *supply* [bekalan] untuk *housing* [perumahan], bole *supply* [bekalan] untuk kedai retoran Pizza, apa kegunaan kayu biasa dengan arang, dengan batu, dapat bau dapat semua *ni* [ini]-, *you* [awak] duduk *tu* [itu] *you* [awak] fikir dengan kayu kapakkan kayu saya *ni* [ini] boleh *tak* [tidak] menjadikan saya seorang yang dicontohi dari segi kegunaanya dari segi pengambilannya dari segi keuntungannya, jadi *kena* [perlu] fikir macam ini.

**MF : Pintar dan rajin?**

CDI : *Hardwork* [rajin]-, *macammana diaorang* [bagaimana mereka] kata? *Hardwork* [rajin] dan jugak *smart* [pintar], *smart* [pintar] maknanya *you* [awak] *kena* [perlu] menggunakan fikiran yang waras.

**MF : Apakah cabaran Dato Chef dalam bidang masakan?**

CDI : Cabaran *ni* [ini] sebenarnya, cabarannya *takde* [tiada] sangat sebenarnya. Ya betul. Cabaran *tu* [itu] untuk diri kita sendiri. Maknanya kalau *you* [awak] *tak* [tidak] *perform* [melakukan] betul-betul *is* [adalah] satu cabaran. *Kalau* [jika] *you* [awak] malas budaya kreatif, *you* [awak] malas membuat sesuatu yang disukai oleh pelanggan, *so* [jadi] maknanya *tu* [itu] cabaran saya. Bukan kata orang *tu* [itu] buat sebelah kedai makan, *lepas tu* [selepas itu] rasa tercabar. *Takde* [tiada] langsung. Malahan itu adalah *positive likelihood that you have another* [kemungkinan positif bahawa anda mempunyai satu lagi] restoran sebelah *you* [awak], kerana itu membantu *advertise* [iklan], *A&P advertising*



*and promotion* [pengiklanan dan promosi], orang datang nampak ada rebung sebelah, *jom* [mari] kita *try* [cuba] sebelah. Cabaran *ni* [ini] adalah apabila jika kamu *failed* [gagal]. Diri sendiri semua sebenarnya, *kalau* [jika] *you failed* [awak gagal] jangan *blame* [menyalahkan] orang lain, *blame* [meyalahkan] diri sendiri. Kenapa aku *tak* [tidak] perihatin, kenapa aku lupa, kenapa aku *tak* [tidak] ingat, kenapa aku tidak mengingati diri aku. Faham *tak* [tidak]? Kita *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] kata, kenapa ayah *tak* [tidak] ingatkan saya? Hallo? *Kau dah* [kamu sudah] *dua puluh* [20] tahun, haruskah ayah ingatkan awak? Awak fikir sendiri. Betul? Yang selalu lupa kita. Orang lain semua *tak* [tidak] lupa, kita sendiri lupa. Itulah cabaran saya bertanding antara diri-, bertanding antara saya dan diri saya sendiri.

**MF : Adakah usaha Dato Chef Ismail dalam bidang masakan merupakan satu perjuangan?**

**CDI :** Semua yang kita buat perjuangan sayang. Anak-anakku, semua berjuang. Juang *ni* [ini] *you* [awak] datang *kat* [dekat] sini pun *you* [awak] berjuang masa, *you* [awak] berjuang tenaga, berjuang perasaan, adakah Chef ini seorang yang *predictable* [dijangka], adakah Chef ini seorang yang *tak* [tidak] *talkative* [suka bercakap], ataupun adakah *diaorang macam* [mereka seperti] cepat cepat cepat, adakah *diaorang* [mereka] yang *tak* [tidak] perihatin tentang kebajikan saya datang *ni* [ini], *macammana* [bagaimana] layanan dia, berjuang kan. *You* [awak] *tak* [tidak] kenal Chef. *So* [jadi], itu yang adakah ia membantu tesis saya ataupun dia saja kata *okaylah* [baiklah], yang lain *tu* [itu] awak suka suka lah,

tanya budak-budak saya. *You dont know who am I you know* [anda tidak kenal siapa saya, awak tahu].

**MF : Dari mana Dato Chef Ismail mendapat kekuatan untuk terus berjuang dalam bidang masakan?**

CDI : *This actually* [ini sebenarnya], kawan-kawan *tu* [itu], *family-family* [keluarga-keluarga] *tu* [itu], dia *takde* [tiada] sangat *encouraging* [menggalakkan], boleh *encouraging* [menggalakkan], tapi *go bounce back to you* [pergi kembali kepada anda]. Kalau *you* [awak] *tak* [tidak] mencuba buat sambal belacan *tu* [itu] sampai sedap, kawan *you* [you] boleh bantu, kurang garam, kurang gula, kenapa harus terjadinya kurang garam kurang gula, sedangkan awak yang membuatnya. Maknanya bila awak buat sambal belacan *tu* [itu], awak *tak* [tidak] perihatin. Awak main buat *aje* [sahaja]. Betul *tak* [tidak]? Salah siapa? *Lepas tu* [selepas itu] saya bagi awak makan. Chef, sambal belacan *ni takde* [ini tiada] garam. Mesti saya kata saya yang menyebabkan ianya tidak bergaram. Logik *tak* [tidak]?

**MF : Siapakah rakan yang turut sama berjuang bersama Dato Chef Ismail pada masa lalu?**

CDI : Ramai kawan-kawan seperjuangan saya, masa saya masak-masak *dulu nak* [dahulu mahu] sebut nanti *you* [awak] *tak* [tidak] perasan siapa orangnya. Ramai juga masa ada yang saya ingat ada yang saya *tak* [tidak] ingat. Ramai, *pasal* [kerana] kami *ni* [ini] dalam bidang masakan ini adalah kawan-kawan seperti

*macam* [seperti], pekerja-pekerja sama-sama bekerja, *fellow workers* [rakan sekerja].

**MF : Adakah rakan masakan Dato Chef Ismail yang kami kenal?**

